No. Tel : 2380333, 2383022, 2383025, 2384488
Fax : 2383004, 2384444, 2384455

كمنترين تناݢ

**KEMENTERIAN TENAGA**
***MINISTRY OF ENERGY***

**JALAN PERDANA MENTERI**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Rujukan Kami :** ME/SEBUTHARGA/2021-2022/06
*Our Reference*

15 Zulkaedah 1442H
26 Jun 2021

Yang Mulia
Pengarah
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

**IKLAN SEBUTHARGA**

**"KONTRAK SELAMA 2 TAHUN BAGI PEMBEKALAN DAN PEMELIHARAAN "INDOOR PLANTS" UNTUK PENGUDARAAN YANG SIHAT DI KEMENTERIAN TENAGA"**
**(Bilangan Sebutharga: ME/SEBUTHARGA/2021-2022/06)**

Dengan penuh hormat sukacita merujuk mengenai dengan pengiklanan sebutharga di atas.

Sehubungan dengan ini, dipohonkan kerjasama dari pihak Tuan untuk mengeluarkan iklan sebutharga bagi **"Kontrak Selama 2 Tahun Bagi Pembekalan Dan Pemeliharaan "Indoor Plants" untuk Pengudaraan yang Sihat di Kementerian Tenaga" (Bilangan Sebutharga: ME/SEBUTHARGA/2021-2022/06)** melalui Pelita Brunei selama **14 hari** iaitu sebanyak **tujuh (7) kali** pada **10hb Julai 2021 (Sabtu), 12hb Julai 2021 (Isnin), 14hb Julai 2021 (Rabu), 17hb Julai 2021 (Sabtu), 19hb Julai 2021 (Isnin), 21hb Julai 2021 (Rabu) dan 24hb Julai 2021 (Sabtu).**

Sekian yang dapat disampaikan untuk tindakan pihak Tuan selanjutnya.

"Alam Sekitar Bersih Untuk Masa Depan"

Dengan Hormat,

**[AZIZUL AZRI BIN HAJI MAJIT]**
Pemangku Pengarah Sumber Manusia dan Korporat
b.p Setiausaha Tetap

**KEMENTERIAN TENAGA**

**TAJUK SEBUTHARGA**

**"KONTRAK SELAMA 2 TAHUN BAGI PEMBEKALAN DAN PEMELIHARAAN "INDOOR PLANTS" UNTUK PENGUDARAAN YANG SIHAT DI KEMENTERIAN TENAGA**
**(Bilangan Sebutharga: ME/SEBUTHARGA/2021-2022/06)**

**kepada:-**

**YANG MULIA:**
**PENGERUSI**
**JAWATANKUASA SEBUTHARGA**
**KEMENTERIAN TENAGA**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Dokumen tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebutharga yang telah disediakan di **Kawasan Kawalan Pintu Masuk, Kementerian Tenaga, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri**. Tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan dibawah. **Tajuk Sebutharga dan Bilangan Sebutharga hendaklah dinyatakan dihujung sebelah kiri sampul surat berkenaan.**

| | | |
|---|---|---|
| Cagaran | : | **$5.00** (Untuk satu dokumen sebutharga.<br>Wang cagaran tidak akan dikembalikan) |
| Tarikh Dibuka | : | 29 Zulkaedah 1442<br>10hb Julai 2021 (Hari Sabtu) |
| Tarikh Tutup | : | 14 Zulhijjah 1442<br>24hb Julai 2021 (Hari Sabtu), Tidak lewat jam 2:00 petang |

**Syarat-syarat tawaran:**

1. Sebutharga ini hanya dibukakan untuk syarikat di dalam **Kelas I atau II iaitu bagi Kategori KPB 12 (Landscaping) yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan.**

2. Dokumen sebutharga boleh diperoleh di **Pejabat Urusetia Sebutharga, Kementerian Tenaga, Basement 1, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri**.

3. Pembayaran yuran sebutharga boleh dibuat di **Unit Kewangan, Kementerian Tenaga, Basement 1, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri**.

4. Waktu pembayaran dan pengambilan dokumen boleh dibuat semasa waktu bekerja seperti berikut:

| **HARI** | **JAM** | |
|---|---|---|
| | **PAGI** | **PETANG** |
| Isnin hingga Khamis | 8:00 hingga 11:00 Pagi | 2:00 hingga 3:00 Petang |
| Sabtu | 8:00 hingga 10:00 Pagi | Tutup |